

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. MASZLEE BIN MALIK
[SIMPANG RENGAM]**

TARIKH : 11 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN:

minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah langkah untuk memperbaiki SOP bagi KPT membendung dan mengelakkan kes gangguan seksual di institusi pendidikan di bawah KPT.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam isu yang membabitkan gangguan seksual di Institusi Pendidikan, Kementerian dan IPT sama sekali tidak akan bertoleransi dimana tindakan tanpa '*fear or favour*' dan kerjasama sepenuhnya akan diberikan kepada pihak berkuasa dalam menyiasat insiden tersebut agar pelaku dapat dibawa ke muka pengadilan.

Sebagai langkah kawalan dan pencegahan, sekiranya pelaku adalah pelajar IPT, Seksyen 15D, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) atau AUKU akan dirujuk. Seksyen 15D ini memperuntukkan bahawa sekiranya seorang pelajar dituduh dengan kesalahan boleh daftar, maka dia boleh, mengikut budi bicara Naib Canselor digantung daripada menjadi seorang pelajar, dilarang berada dalam atau memasuki kampus selagi prosiding belum selesai, serta boleh dikenakan tindakan tatatertib. Sekiranya kes gangguan seksual ini melibatkan kakitangan IPTA pula,

SOALAN NO : 69

tindakan tatatertib boleh dikenakan mengikut Peraturan 3(2)(d), Jadual Kedua, Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605). Peraturan ini antara lain menyebut bahawa seseorang pegawai tidak boleh berkelakuan dengan sedemikian cara sehingga memburukkan atau mencemarkan nama badan berkanun.

Selain itu, Kementerian melalui Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) terus melaksanakan pelbagai inisiatif bagi membendung dan mencegah kes gangguan seksual termasuklah:

- (a) Melaksanakan program kesedaran dan pencegahan melalui modul Cakna Diri kepada pelajar dengan kolaborasi bersama agensi yang berkaitan seperti Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara dan NGO;
- (b) Menggunakan Garis Panduan Pengaduan Kes Gangguan Seksual Di Institusi untuk pelajar atau staf untuk membuat aduan;
- (c) Sesi taklimat berkenaan sahsiah dan disiplin pelajar dengan menerapkan elemen melibatkan isu gangguan seksual, tindakan dan hukuman; dan
- (d) Memperkasa peranan Majlis Perwakilan Pelajar dan Jawatankuasa Pelajar Kolej Kediaman sebagai penghubung pelajar dengan pengurusan institusi berkaitan masalah sosial

Dalam perkara ini, pihak Kementerian, institusi dan warga IPT perlu sama-sama memainkan peranan dalam mempromosi persekitaran IPT yang bebas daripada segala bentuk ancaman termasuk gangguan seksual bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan warga IPT secara keseluruhan. Sekian, terima kasih.